



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN SIJIL PEMBUAT  
MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

# TARIKH KUATKUASA GARIS PANDUAN

1 JANUARI 2010

## 1. NAMA PENDAFTARAN

Sijil Pendaftaran Pembuat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.

## 2. NAMA AGENSI/ PIHAK BERKUASA MELESEN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

## 3. PUNCA KUASA / ASAS PERUNDANGAN PENGETAHUAN PENDAFTARAN

Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698) dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan dan Penjualan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012, Seksyen 3 (1).

## 4. OBJEKTIF PENDAFTARAN

Mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien bagi haiwan, tidak memudaratkan haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia dan selamat untuk kegunaan lain, dan bagi perkara lain yang bersampingan dengannya.

## 5. KETERANGAN PENDAFTARAN/ APA YANG DIDAFTARKAN

Pembuatan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.

## 6. SIAPA YANG BOLEH MOHON/ KELAYAKAN PEMOHON

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

## 7. BILA PERLU DIPOHON

Pada bila-bila masa. Permohonan disemak berdasarkan *first come, first served basis*.  
(Mesyuarat diadakan 2 bulan sekali).

## 8. BAGAIMANA CARA NAK MOHON/ KAEDEAH PERMOHONAN (ATAS TALIAN@MANUAL)

ATAS TALIAN	eamh.dvs.gov.my (sistem e-AMH)
MANUAL (serahan salinan borang permohonan e-AMH)	Urusetia Lembaga Makanan Haiwan, Seksyen Kawalselia Makanan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Aras 1, Lot 4G1 Blok Podium 1B, Wisma Tani, No.28 Persiaran Perdana, Presint 4, 62624 Putrajaya.

## 9. PIAGAM PELANGGAN (TEMPOH PEMPROSESAN DALAM HARI/JAM/MINIT)

Menerima dan menyemak permohonan atas talian dan salinan borang permohonan e-AMH Sijil Pendaftaran Pembuat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan yang LENGKAP.	7 HARI
Melaksanakan LAWATAN PREMIS bagi tujuan verifikasi premis.	14 HARI
Membentangkan permohonan Sijil Pendaftaran Pembuat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Makanan Haiwan untuk mendapat kelulusan dan perakuan daripada ahli jawatankuasa.	30 HARI
Memaklumkan kepada pelanggan samada permohonan mereka ditolak/ditangguhkan dan tindakan susulan.	1 HARI
Mencetak sijil serta mendapatkan tandatangan Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan sebelum sijil diserahkan kepada pelanggan yang telah mendapat kelulusan	7 HARI


## 10. SYARAT-SYARAT SEBELUM & SELEPAS PERMOHONAN

Sebelum: Memohon secara atas talian dan menghantar salinan borang permohonan e-AMH kepada Urusetia.

Selepas: Membuat temujanji sebelum mengambil sijil yang telah diluluskan.

## 11. LANGKAH-LANGKAH PERMOHONAN (TERMASUK CARTA ALIR (FLOW-CHART))

### CARTA ALIRAN KERJA PERMOHONAN BARU SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN



12. SENARAI KEPERLUAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN (CHECK LIST)

Bil	Perkara	Tandakan (v)
1.	<b>Salinan Kad Pengenalan (Bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon)</b> Pemohon hendaklah mempunyai liabiliti dalam syarikat; & merupakan warganegara Malaysia <b>Sila beri salinan yang jelas.</b>	Muatnaik dalam sistem e-AMH
2.	<b>Salinan MAA (Bagi permohonan baru/Pertukaran nama pemohon)</b> Sila lampirkan salinan Memorandum and Articles of Association bagi syarikat Sdn Bhd. Bagi syarikat selain Sdn Bhd seperti Enterprise, sila lampirkan <b>SSM, Form 49</b> diperlukan sebagai sokongan keatas jawatan pemohon sebagai pengarah.	Muatnaik dalam sistem e-AMH
3.	<b>Pembekal bahan mentah</b> Sila senaraikan nama syarikat, alamat, no pendaftaran beserta bahan mentah yang dibekalkan.	Diisi dalam sistem e-AMH
4.	<b>Penyata Negara Asal (Bahan Mentah)</b> <i>(Certificate of Origin)</i> Sesalinan penyata negara asal, sijil kesihatan atau <i>Free Sale Certificate</i> bagi bahan mentah yang diimport sahaja.	Muatnaik sekiranya bahan diimport
5.	<b>Penyataan Komposisi Bahan Mentah</b> <i>(Certificate of Analysis)</i> 5.1. bijian / bahan sampingan pertanian / foraj : kelembapan, protein kasar, bahan kering, serat kasar, abu. 5.2 bahan tambahan makanan haiwan / antibiotik / bahan kimia / hormon : bahan aktif dan apa-apa bahan lain yang lebih daripada 5%; dan 5.3 hasil sampingan haiwan : kelembapan, protein kasar, lemak kasar, abu kasar.	Muatnaik dalam sistem e-AMH
6.	<b>Penyata Pembuatan</b> ( <i>process flow</i> penghasilan produk setiap item) Sila nyatakan proses pembuatan setiap item beserta bahan mentah yang digunakan	Muatnaik dalam sistem e-AMH
7.	<b>Penyata Pembungkusan Setiap Item</b> <i>gambar item, gambar bungkusan depan &amp; belakang (bewarna &amp; jelas)</i>	Muatnaik dalam sistem e-AMH
8.	<b>Penyata Pelabelan</b> Gambar label pada bungkusan dengan berwarna dan jelas. Label hendaklah memenuhi keperluan Peraturan - Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012.  Label hendaklah mengandungi perkara seperti berikut; (a) <b>jenama produk;</b> (b) negara pembuat; (c) <b>jenis haiwan yang dirujuk</b> dan tujuan penggunaan; (d) <b>nama dan alamat pembuat</b> , pengedar tunggal atau pengeluar; (e) <b>jenis ramuan mentah;</b> (f) sekiranya makanan haiwan mengandungi daging babi, atau terbitan atau lemaknya, pernyataan kehadiran daging babi sedemikian, atau terbitan, atau lemaknya dalam makanan haiwan, dalam bentuk "MENGANDUNG" (menyatakan sama ada daging babi, atau terbitan, atau lemaknya mengikut mana yang	Muatnaik dalam sistem e-AMH

	<p>berkenaan)" atau dengan perkataan lain yang menunjukkan hal ini;</p> <p>(g) <b>kandungan nutrien</b>;</p> <p>(h) nama dagang bahan antibiotik aktif, takat pemasukan dan tempoh penarikan;</p> <p>(i) takat pemasukan hormon;</p> <p>(j) nama dagang bahan aktif bagi bahan kimia lain;</p> <p>(k) <b>berat bersih</b>;</p> <p><b>tarikh pembuatan dan tarikh luput</b></p>	
9.	Salinan analisa makmal (COA) produk akhir daripada makmal/fasiliti selain makmal <i>in-house</i> .	Muatnaik dalam sistem e-AMH

### 13. SENARAI PEMBAYARAN/MAKLUMAT BAYARAN (FI/CAJ) YANG DIKENAKAN

Tiada bayaran (fi/caj) dikenakan pada masa kini sehingga dimaklumkan sebaliknya.


### 14. MAKLUMAN KEPUTUSAN PERMOHONAN / OUTPUT YANG DIKELUARKAN KEPADA PEMOHON

OUTPUT	Sijil Pendaftaran Pembuat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan.
KAEDAH PENYAMPAIAN KEPUTUSAN KEPADA PEMOHON	Notifikasi email yang didaftarkan pada sistem e-AMH pemohon dan status lulus pada akaun e-AMH syarikat.

### 15. MAKLUMAT PEMBAHARUAN/ PINDAAN/ PEMBATALAN (JIKA BERKAITAN)

- i. Pemohon mestilah membuat permohonan pembaharuan 3 bulan sebelum tarikh luput sijil dan **wajib mengisi rekod pembuatan sepanjang tahun** berkenaan pada e-AMH.
- ii. Pemohon perlu **memohon secara atas talian e-AMH bagi sebarang pindaan/perubahan atau pembatalan** dan menghantar salinan permohonan tersebut kepada Urusetia.

**CARTA ALIRAN KERJA**  
**PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PENDAFTARAN PEMBUAT MAKANAN HAIWAN ATAU**  
**BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**



\*sekiranya diminta

## **16. RUJUKAN YANG BERKAITAN**

- i. Akta Makanan Haiwan 2009
- ii. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Lesen Untuk Mengimport Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
- iii. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
- iv. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Antibiotik ,Hormon dan Bahan Kimia Lain Terlarang) 2012
- v. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pembuatan Dan Penjualan Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012
- vi. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan Dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012
- vii. Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Peraturan-peraturan Makanan Haiwan (Kesalahan Boleh Kompaun) 2019